

**400 pesawah padi diserang 'bena perang'**

Oleh OTHMAN CAHAYA

YAN – Lebih 400 pesawah sekitar daerah Yan di sini mendakwa kerugian ribuan ringgi apabila padi yang sedia dituai musnah akibat diserang sejenis penyakit yang dikenali sebagai 'bena perang'.

Serangan serangga perosak yang berlaku sejak dua bulan lalu itu menyebabkan padi yang matang menjadi kering dan tidak berisi serta memusnahkan pokok padi tersebut.



Malah racun serangga yang biasa digunakan oleh pesawah sebelum ini juga dikatakan gagal membendung serangan serangga terbabit sehingga memusnahkan kira-kira 450 hektar padi. Difahamkan kawasan yang terlibat adalah Kampung Simpang Empat Sedaka, Kampung Sungai Lentang, Kampung Sungai Limau, Kampung Ulu Dulang Kecil dan Besar dan Kampung Batas Bujur.

Salah seorang petani, Hashim Surat, 60, yang telah lebih 40 tahun menjadi pesawah berkata, serangan serangga pada kali ini amat berlainan dengan sebelumnya. Menurut Hashim yang mengusahakan dua hektar sawah padinya di Simpang Empat Sedaka di sini, kejadian serangan penyakit itu disedari pada penghujung Oktober lalu apabila mendapati pokok padinya rebah menyembah bumi.

"Ketika itu umur pokok padi saya telah melebihi 70 hari dan hampir matang serta berbuah lebat. Malangnya pokok tersebut bertukar kelabu dan rebah lalu mati walaupun disemur pelbagai jenis racun makhluk perosak," katanya.

Seorang lagi pesawah, Ahmad Yusuf, 58, berkata, sebelum ini serangan siput gandang emas, tikus dan kulat yang dialaminya sejak mengerjakan sawah lebih kurang 35 tahun lalu tidak seteruk serangan bena perang ini. "Hampir tiga suku kawasan sawah padi yang saya usahakan sebanyak 10 hektar di Kampung Ulu Dulang Kecil musnah dalam serangan itu. Pendapatan saya selalunya sekitar RM2,500 sehektar kini turun kepada RM1,000 sahaja," katanya.

Menurut Azam Ahmad, 43 dari Kampung Sungai Lentang, Sungai Limau, dia telah menghabiskan banyak duit untuk membeli racun bagi mengawal serangga perosak itu sejak mengetahui pokok padinya seluas tiga hektar bertukar warna daripada hijau kepada kekuning-kuningan bulan Oktober lalu. "Kebiasannya pokok padi hanya akan berwarna kuning apabila telah cukup matang selama 100 hari. Tapi serangan bena perang ini menyebabkan pokok padi menjadi layu dan mati sebelum sempat dituai," katanya yang hilang punca pendapatan untuk musim ini akibat serangan penyakit tersebut.